

# 20% daripada 14,260 nelayan tradisional adalah wanita

NST 10.11.2012 4

OLEH BALQIS JAMALUDIN  
(balqis@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Sebanyak 20 peratus daripada 14,260 jumlah nelayan artisanal (tradisional) berwarganegara Malaysia di Sabah terdiri daripada golongan wanita, kata Pengurus Besar Ko-Nelayan Sabah, Datuk Masood Salleh.

“Malah kebanyakan nelayan wanita ini mempunyai pendapatan yang tinggi iaitu antara RM8,000 hingga RM10,000 sebulan,” katanya di Majlis Menandatangani Perjanjian Setujuterima Kajian Wanita Nelayan dan Nelayan Wanita di Sabah, di sini, kelmarin.

Sementara itu, Masood menyatakan bahawa Perjanjian Setujuterima Kajian Wanita Nelayan dan Nelayan Wanita di Sabah ini menandakan bahawa satu kajian lanjutan oleh Ko-Nelayan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi mendapatkan data yang lebih terperinci mengenai golongan ini akan terlaksana.

Katanya, pada tahun lalu, Kerajaan Negeri telah melantik Ko-Nelayan sebagai juruperunding bagi Program Banci Nelayan Artisanal dan laporan ini telah disiapkan sepenuhnya pada Disember 2011 dengan kerjasama daripada pasukan penyelidik dari UMS.

Katanya, salah satu hasil dari kajian tersebut telah menyarankan agar Kerajaan meningkatkan lagi usaha membantu nelayan-nelayan wanita yang berkecimpung dalam industri hiliran berasaskan perikanan.

Oleh itu, katanya, kajian lanjutan ini mengambil baki peruntukan dari Program Banci Nelayan RMK ke-9 yang lahu iaitu sebanyak RM 143,000.

“Pihak UMS juga telah dilantik untuk melaksanakan dan menyediakan laporan mengenai Wanita Nelayan dan Nelayan Wanita di Sabah ini dalam tempoh 1 tahun 3 bulan iaitu dari November 2012 hingga Februari 2014 termasuk kerja-kerja soal selidik, menganalisis data



**TANDATANGANI...Masood (kiri) menandatangani Perjanjian Setujuterima Kajian Wanita Nelayan dan Nelayan Wanita di Sabah bersama Dr. Ismail (kiri)**

dan penulisan akhir,” katanya sambil menjelaskan wanita nelayan adalah mereka yang bekerja dihilir seperti golongan yang berkecimpung dalam bidang pemrosesan, pembuatan, pembungkusan ataupun pemasaran manakala nelayan wanita bermaksud wanita yang turun dan menangkap hasil di laut.

Katanya, dengan adanya kajian ini diharap pihak Kerajaan Negeri terutamanya Ko-Nelayan dan agensi-agensi Kerajaan berkaitan yang lain akan memanfaatkan dalam menjalankan perancangan dan pelaksanaan program-program yang melibatkan kaum wanita terutamanya dalam industri perikanan.

Sementara itu, katanya, sebanyak 90 peratus nelayan di Sabah telah keluar dari status miskin tegar.

Katanya, program-program Ko-Nelayan di bawah RMK-9 yang melibatkan 3,540 orang kumpulan sasaran juga telah berjaya meningkatkan taraf hidup golongan ini.

“Kajian mengenai program Ko-Ne-

layan telah menunjukkan peningkatan pendapatan kumpulan sasaran tersebut, sebagai contoh melalui Skim Bantuan Nelayan (SBN), pendapatan nelayan telah meningkat sebanyak 33 peratus, Skim Bantuan Pengusaha Akuakultur (SBPA) 55 peratus, Pembangunan Industri Kecil Perikanan (PIKP) 38 peratus, Program Ketua Isi Rumah Miskin Tegar (KIRMT) 102 peratus dan Program 1Azam Fasa 1 yang diperuntukan oleh Kerajaan Persekutuan dalam lingkungan 80 peratus,” katanya.

Sementara itu, menurut Ketua Pasukan Penyelidik dari UMS, Prof. Dr. Ismail Ali, kajian lanjutan ini juga bermatlamatkan untuk membantu golongan wanita yang terlibat dalam industri perikanan keluar dari kepompong kemiskinan.

“Kajian ini amat penting terutama membantu Kerajaan menangani segala usaha membasmi kemiskinan terutama yang melibatkan kaum wanita,” katanya.